



YAZEEREEN (dua dari kiri) menunjukkan antara barang rampasan ketika sidang media di Pelabuhan LKIM Batu Maung, Bayan Lepas, Georgetown. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

HM 7/1/2023 MS: 21

## Empat vesel pukat tunda, hasil tangkapan disita

**Georgetown:** Pejabat Perikanan Pulau Pinang melalui Pangkalan Perlindungan Sumber Batu Maung, dekat sini, menahan dan menyita empat vesel pukat tunda tempatan dengan anggaran nilai rampasan RM2.8 juta, termasuk hasil tangkapan 2.9 tan metrik ikan.

Semua vesel bersama tujuh kru warga asing tanpa permit berusia 26 hingga 50 tahun itu ditahan pada Rabu lalu dan kelmarin kerana beroperasi kurang 15 batu nautika dari pantai.

Pengarah Perikanan negeri, Yazeereen A Bakar, berkata kesemua vesel Zon C terbabit dimiliki pengusaha tempatan dengan dua daripadanya berpangkalan di Kuala Kedah ditahan pada kedudukan 9.1 dan 9.8 batu nautika Barat Muka Head, Teluk Bahang pada Rabu.

“Sebuah lagi vesel pukat

tunda berpangkalan di Bagin Panchor, Perak ditahan pada kedudukan 10.8 batu nautika dari Gertak Sanggul di sini didapati menggunakan khidmat tiga kru warga Myanmar tanpa permit pagi semalam (kelmarin),” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Manakala vesel terakhir

berpangkalan di Kuala Kurau, Perak bersama empat kru warga Thailand tanpa permit ditahan pada kedudukan 7.2 batu nautika dari Tanjung Piandang lewat petang kelmarin.

Yazeereen berkata kesemua vesel terbabit dianggar bernilai RM2.8 juta manakala hasil tangkapan seba-



KAKITANGAN Perikanan Pulau Pinang melakukan pemeriksaan terhadap sebuah vesel pukat tunda tempatan yang disita.



Kami tidak bertolak ansur terhadap isu pelanggaran peraturan dan perundangan termasuk membabitkan pencerobohan perairan oleh vesel pukat tunda dengan sejumlah 80 tangkapan direkodkan tahun lalu”

**Yazeereen**

nyak 2.9 tan metrik telah dilelong di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Batu Maung dan tidak disimpan lama bagi menjaga kualiti hasil laut berkenaan.

Menurutnya, seramai 20 anggota penguat kuasa Pejabat Perikanan negeri terbabit dalam operasi rondaan rutin di sekitar perairan Pulau Pinang mengambil tindakan segera sejurus meli-

hat kegiatan pencerobohan itu.

Beliau berkata, kesemua vesel itu disita mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar syarat dalam lesen dan boleh didenda tidak melebihi RM20,000.

Beliau menegaskan pihaknya memandang serius isu berhubung pencerobohan membabitkan vesel pukat tunda bagi menjamin sekuriti bekalan makanan hasil laut di negeri ini.

“Kami tidak bertolak ansur terhadap isu pelanggaran peraturan dan perundangan termasuk membabitkan pencerobohan perairan oleh vesel pukat tunda dengan sejumlah 80 tangkapan direkodkan tahun lalu.

“Selain kes pencerobohan tangkapan ini membabitkan pelbagai kesalahan termasuk aktiviti penggunaan bubu naga yang melanggar peraturan di bawah akta tersebut,” katanya.